

30 JUN 1999

ADA BUKTI PAS FITNAH UMNO DI KALANGAN MAHASISWA, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno berkata ia mempunyai bukti PAS menyebarkan fitnah tentang Umno di kalangan mahasiswa dan menyerahkannya kepada panel peguam Umno untuk tindakan undang-undang.

Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan pergerakan itu Zein Isma Ismail berkata bukti itu adalah dalam bentuk tulisan dalam Internet dan risalah.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahawa terdapat pensyarah institusi pengajian tinggi terlibat dengan pembangkang khususnya PAS untuk meracuni pemikiran pelajar bagi mencapai agenda politik mereka.

"Pemuda UMNO sangat kesal kerana ada dalang di kalangan ahli-ahli akademik yang membantu aktiviti pembangkang," katanya.

Zein menyifatkan amat tepat pada masanya teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya pelajar institusi pengajian tinggi mementingkan pelajaran daripada politik.

-- BERNAMA

MEO MAI